



PERSEMBAHAN DIKIR BARAT KANAK-KANAK
BERKONSEPKAN HAPPENING ART
BERTEMAKAN FENOMENA
COVID-19



AINDAHIEA SHUHADA BINTI JOHARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



**PERSEMBAHAN DIKIR BARAT KANAK-KANAK BERKONSEPKAN
HAPPENING ART BERTEMAKAN FENOMENA
COVID-19**

AINDAHIEA SHUHADA BINTI JOHARI

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENGAJIAN PERSEMBAHAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENIDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 12 November 2024

Perakuan Pelajar:

Saya, AINDAHIEA SHUHADA BINTI JOAHRI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PERSEMBAHAN DIKIR BARAT KANAK-KANAK BERKONSEPKAN HAPPENING ART BERTEMAKAN FENOMENA COVID-19 adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya Kamarulzaman Bin Mohamed Karim dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Persembahan Dikir Barat Kanak-Kanak Berkonsepkan Happening Art Bertemakan Fenomena Covid-19 dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh Ijazah Seni Persembahan

12/11/24

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF MADYA DR. KAMARULZAMAN BIN MOHAMED KARIM
Pensyarah Kanan DS54
Fakulti Mazak dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

UPSI/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PERSEMBAHAN DIKIR BATZAT KANAK-KANAK
BERKONSEPKAN HAPPENING ART BERTEMAKAN
FENOMENA COVID-19

No. Matrik / Matric's No.: M20102001094

Saya / I: AINDAHIEA SHUHADA BINTI JOHARI
 (Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐

TERHAD/RESTRICTED


Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS


 (Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 12/11/2024


 (Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROF MADYA DR. KAMARULZAMAN BINI MOHAMED KARIM

Pensyarah Kanan DS54
 Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
 Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan.

Pertama sekali saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada ibu saya Marzati binti Mustafa atas sokongan moral yang diberikan sepanjang perjalanan saya menyiapkan kertas kerja sehingga persiapan membuat projek persembahan. Kedua, saya ingin mengucapkan juga terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Kamarulzaman bin Mohamed Karim kerana banyak membantu serta berkongsi idea, meluangkan masa dalam usaha menjayakan projek persembahan akhir ini. Setiap langkah dan proses yang dilalui dari peringkat pengumpulan bahan-bahan kajian, penambahbaikan kertas kerja disertasi. Dr. Kamarulzaman telah banyak membantu disamping memberikan panduan dan nasihat kepada saya, agar terus berusaha sehingga tamatnya pengajian. Tidak lupa juga buat beberapa orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Muzik semester 4 dari Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) yang turut banyak membantu sepanjang saya berurusan dengan pihak NCDRC. Kehadiran mereka sebagai fasilitator dan pelatih dalam menguruskan latihan Dikir Barat bersama kanakkanak pra-sekolah sepanjang ketiadaan saya di Tanjung Malim, amatlah saya hargai. Semoga kebaikan kalian dibalas dengan rahmat dan redha Allah. Terakhir sekali, buat para pensyarah (FMSP) serta krew teknikal, terima kasih kerana sentiasa menyokong serta memberikan kata-kata positif dalam pada masa yang sama memberi tunjuk ajar dan juga memudahkan urusan saya di fakulti.



ABSTRAK

Persembahan Dikir Barat Kanak-Kanak Berkonsepkan *Happening Art* bertemakan Tragedi Covid-19 merupakan acara seni yang menggabungkan unsur Dikir Barat dengan unsur *Happening Art*. Ia adalah sebuah seni persembahan interaktif dan kontemporari. Karya ini telah diinspirasi berdasarkan perubahan dalam rutin harian, cabaran pembelajaran atas talian dan kehilangan yang dialami oleh kanak-kanak. Objektif karya ini adalah bagi mengenal pasti kesan Covid-19 terhadap emosi kanak-kanak bagi mencetuskan penciptaan lagu baharu Dikir Barat. Di samping itu, ia adalah bertujuan mempersembahkan permainan Dikir Barat kanak-kanak dengan mengeksplorasi emosi kanak-kanak yang terkesan akibat Covid-19. Dalam persembahan ini, kanak-kanak akan menggunakan medium seni Dikir Barat untuk menyampaikan cerita dan perasaan mereka mengenai pandemik Covid-19. Mereka akan melibatkan pergerakan, vokal, dan alat muzik tradisional serta simulasi yang akan dipamerkan dikalangan kanak-kanak dalam persembahan mereka. Namun, apa yang menyerlahkan persembahan ini ialah pendekatan seni *Happening Art* yang bersepadu, di mana penonton juga akan dijemput untuk mengambil bahagian secara aktif.

THE CHILDREN'S WESTERN DIKIR PRESENTATION CONCEPTUALIZED IN HAPPENING ART THEME OF THE COVID-19 PHENOMENON

ABSTRACT

The Children's Western Dikir Presentation with a Happening Art concept themed on the Tragedy of Covid-19 is an artistic event that combines elements of Western Dikir with Happening Art. It is an interactive and contemporary artistic performance. This work is inspired by changes in daily routines, challenges of online learning, and the losses experienced by children. The objective of this work is to identify the impact of Covid-19 on children's emotions to spark the creation of new Western Dikir songs. Additionally, it aims to present children's Western Dikir performances by exploring the emotions affected by Covid-19. In this presentation, children will use the Western Dikir art form to convey their stories and feelings about the Covid-19 pandemic. They will involve movements, vocals, traditional musical instruments, and simulations that will be showcased among children in their performance. However, what distinguishes this presentation is the integrated approach of Happening Art, where the audience is also invited to actively participate.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

KANDUNGAN vii

SENARAI RAJAH 10x

SENARAI AKRONIM 12i

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan / Latar Belakang 13

1.2 Inspirasi dan Motivasi 15

1.3 Matlamat Penciptaan 21

1.4 Objektif Penciptaan 22

1.5 Kontekstualisasi Topik 22

1.6 Imaginasi Idea Penciptaan 24

BAB 2 KAJIAN LITERATUR DAN KAJIAN KARYA KREATIF

2.1 Kajian Literatur 27

2.1.1 Emosi dan Perilaku Kanak-kanak Ketika Covid-19. 27



2.1.2	Muzik Untuk Kanak-kanak	34
2.1.3	Muzik Dikir Barat	36
2.1.4	<i>Happening Art</i>	38
2.1.5	Muzik dan Emosi	41
2.2	Kajian Karya Kreatif	44
2.2.1	Karya Muzik Barat Dengan Elemen Covid-19 dan Kanak-kanak	44
2.2.2	Karya Muzik Tradisional Malaysia Dengan Elemen Covid-19 dan Kanak-kanak	48
2.2.3	Karya Muzik Covid-19 di Asia	50
2.2.4	Karya Muzik Covid-19 untuk Kanak-Kanak	55
2.2.5	Karya Muzik Dikir Barat untuk Kanak-Kanak	56
2.2.6	Karya Happening Art	58

2.2.6.1 *Fluids dan Scales*

58

2.3	Keaslian Ciptaan	62
-----	------------------	----

BAB 3 KONSEP PENCIPTAAN

3.1	Konseptualisasi Idea Penciptaan	65
3.1.1	Muzik Mengekspresi Emosi Kanak-Kanak	65
3.1.2	Konsep Muzik Kanak-Kanak	66
3.1.3	Muzik Mengenai Fenomena Covid-19	67
3.1.4	Muzik Tradisional Dikir Barat	69
3.2	Landasan Teori Penciptaan	72
3.2.1	Permainan Rakyat	73
3.2.2	<i>Happening Arts</i>	74

BAB 4 PROSES PENCIPTAAN KARYA KREATIF

4.1	Kaedah Pengumpulan Maklumat Untuk Penciptaan	76
4.1.1	Kaedah Temu Bual	77
4.1.2	Kaedah Pemerhatian	79
4.1.3	Kaedah Perpustakaan	80
4.2	Pendekatan Penciptaan	81

BAB 5 DESKRIPSI KARYA KREATIF

5.1	Pembentukan Karya	85
5.2	Struktur Karya	86
5.3	Program Persembahan	93

BAB 6 REFLEKSI DAN RUMUSAN

6.1	Refleksi Penciptaan	96
6.2	Rumusan	98
6.3	Cadangan	99

RUJUKAN		100
---------	--	-----



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
2.1	Menunjukkan sebuah paparan berita di internet mengenai impak covid-19 terhadap kesihatan mental kanak-kanak.	30
2.2	Kelihatan dua petugas perubatan sedang membuat pemeriksaan kesihatan terhadap kanak-kanak sebelum melakukan suntikan vaksi manakala raka di sebelah menunjukkan tanda-tanda seseorang mengalami simptom awal covid-19.	31
2.3	Ini adalah sebahagian gambar yang di ambil dari video lagu <i>Good Job</i> dimana keseluruhan penyanyinya di kalangan kanak-kanak dan para remaja.	44
2.4	Ini pula adalah situasi dimana virtual meeting dilakukan sewaktu berlakunya tempoh kawalan pergerakan.	45
2.5	Jelas menunjukkan, video muzik ini telah memberi peringatan dan penekanan terhadap pentingnya penggunaan pelitup muka.	46
2.6	Ini adalah sebahagian paparan video <i>The Covid-19 Temporary Song for Kids by Boo Boo Gaga</i> mengenai langkah berjaga dalam menganani wabak covid-19.	47
2.7	Gambar di atas adalah paparan dari video <i>The Coronavirus Explained to Children</i> dimana, di dalam video tersebut ada mengatakan bahawa virus mampu mendiami tubuh badan tanpa menunjukkan kesan-kesan kesihatan yang tidak baik tetapi ia tetap mampu menjangkiti orang disekeliling kita.	47
2.8	Sebahagian gambaran muzik video Puisi Kasih Pandemik.	48
2.9	Sebahagian gambaran muzik video Puisi Kasih Pandemik.	49
2.10	Barisan pemuzik di dalam muzik video Puisi Kasih Pandemik.	50



2.11	Muzik video lagu Virus Corona telah menggambarkan keadaan semasa yang berlaku di serata dunia. Manakala gambar 2 adalah penyanyi Rhoma Irama.	51
2.12	Ini pula adalah sebahagian gambar-gambar petugas baris hadapan di negara China di dalam muzik video <i>Love Will Prevail</i> .	52
2.13	Antara bekas ahli SSYEAP yang terlibat dalam menjayakan usaha sama pembikinan lagu <i>We Are Unity</i> .	53
2.14	Bumkey yang menyanyikan lagunya sendiri, Covid-19.	54
2.15	Sebahagian langkah penjagaan kebersihan yang mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Penggunaan visual yang menarik, memudahkan kanak-kanak untuk mengingat serta mempraktikkan langkah-langkah tersebut.	55
2.16	Watak-watak di dalam Didi and Friends menjadikan pergerakan dalam dikir barat sebagai motif dalam menyampaikan unsur tradisi di dalam lagu Eh Wau Bulan.	57
2.17	Ini adalah salah satu poster acara Fluids pada pertama kali diadakan.	58
2.18	Proses sewaktu menyusun bongkahan ais.	58
2.19	Permulaan persembahan apabila tauhu mula diletakkan di dalam blok kayu.	62
3.1	Rangka Konseptual Penciptaan.	64
4.1	Proses artistik yang berlaku bagi menjalankan projek.	81
5.1	Muka surat 1 bagi skor lagu Covid-19 bagi pembahagian alatan muzik Dikir Barat dan juga penyanyi.	87
5.2	Muka surat 2 bagi skor lagu Covid-19 bagi pembahagian alatan muzik Dikir Barat dan juga penyanyi.	88
5.3	Muka surat 3 bagi skor lagu Covid-19 bagi pembahagian alatan muzik Dikir Barat dan juga penyanyi.	88
5.4	Muka surat 4 bagi skor lagu Covid-19 bagi pembahagian alatan muzik Dikir Barat dan juga penyanyi.	89
5.5	Proses Program Persembahan Kreatif.	93



SENARAI AKRONIM

CENDANA	<i>Cultural Economy Development Agency</i>
DUN	Persidangan Dewan Undangan Negeri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
NHMS	<i>National Health and Morbidity Survey</i>
PKP	Perlaksanaan kawalan pergerakan
SSYEAP	<i>The Ship for Southeast Asian and Japanese Youth Program</i>
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
UNICEF	Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
WFH	<i>Work From Home</i>
WHO	<i>World Organization Health</i>





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan / Latar Belakang



Covid-19 adalah fenomena yang kini hangat diperkatakan oleh masyarakat dan penduduk dunia. Fenomena ini telah melanda negara hampir mencapai 2 tahun. Kes harian yang kian meningkat sedikit sebanyak telah menambahkan kerisauan, kegelisahan di kalangan rakyat Malaysia. Secara tidak langsung, kerisauan dan kegelisahan yang dialami rakyat Malaysia telah mengganggu emosi dan kesihatan mental. Masalah yang timbul dari pelbagai penjuru membuatkan seseorang sukar untuk memikirkan solusi terbaik dalam merungkai satu-persatu bebanan yang dirasakan. Fenomena ini secara tidak sedar telah merenggangkan hubungan kekeluargaan, mengurangkan kualiti produktif sebagai seorang pekerja mahupun pelajar, kegiatan ekonomi kian lumpuh, masalah sosial dan kekeluargaan semakin meningkat. Dikala





berlakunya pandemik ini, kesihatan mental dan emosi adalah elemen terpenting yang perlu ada di dalam diri setiap individu bagi mengharungi cabaran hari mendatang.

Menurut satu ciapan di laman sesawang UM *Specialist Centre*, menjelang tahun 2020, penyakit mental dijangka menjadi masalah kesihatan kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung. Menurut satu tinjauan yang dilakukan oleh *National Health and Morbidity Survey* (NHMS), setiap 3 daripada 10 orang dewasa berumur 16 tahun dan ke atas di Malaysia mengalami ciri-ciri masalah kesihatan mental. Malangnya, terdapat segelintir masyarakat yang masih kurang menitikberatkan tentang masalah ini terutamanya dari segi gangguan mental. Ada dikalangan pesakit juga tidak menyedari tentang tanda-tanda awal yang mereka alami sehingga lama-kelamaan ia mampu memberi kesan buruk terhadap diri individu.



Dalam pada itu, stigma sosial yang kuat terhadap masalah ini sering dikaitkan dengan kepercayaan karut yang mampu memberi tanggapan yang salah. Pandangan negatif ini sering menyebabkan individu mengalami penderitaan dalam diam tanpa mendapatkan khidmat kaunseling atau bantuan perubatan.

Tidak ketinggalan juga isu kanak-kanak dan pandemik covid 19. Pada sebuah artikel Bernama bertarikh 5 Februari 2021, Menurut Pensyarah Kanan (Bimbingan & Kaunseling) Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia, Dr Syed Mohamad Syed Abdullah, ramai rakyat Malaysia terkesan dengan pandemik COVID19 berikutan banyak perubahan yang berlaku dan terpaksa melalui segala kesukaran dalam proses penyesuaian diri baik dikalangan orang dewasa mahupun kanak-kanak. Dalam pada itu, berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) pada





2019, hampir setengah juta kanak-kanak dikesan berdepan dengan masalah mental. Fenomena ini dijangka menjadi bertambah buruk apabila pandemik COVID19 yang akan melanda negara pada awal 2020. Kini telah menjangkau tahun 2022 dan isu ini masih berlaku dan hangat diperkatakan. “Demam Kabin” adalah istilah baharu yang digunakan bagi menggambarkan situasi kanak-kanak masa kini yang mengalami perubahan norma kehidupan yang ketara untuk menyesuaikan diri dengan sesuatu perubahan dengan penuh cabaran. Ini kerana sepanjang pelaksanaan PKP, kanak-kanak telah ‘terkurung’ dalam situasi pergerakan yang terbatas untuk satu tempoh yang agak lama. Oleh kerana itu, istilah “Cabin Fever” atau “Demam Kabin” ini digunakan.

Maksud “Cabin Fever” ini secara tradisionalnya digunapakai oleh masyarakat yang menetap di negara beriklim sejuk. Berikutan, ada ketika dan waktunya mereka terpaksa tinggal di dalam rumah dalam tempoh yang lama kerana keadaan cuaca bersalji atau berais. Situasi Covid-19 “Demam Kabin” menerangkan gejala psikologi yang dialami oleh masyarakat apabila mereka harus menetap di kediaman mereka dalam masa yang lama dimana aktiviti sosial turut sukar dilakukan bagi mematuhi arahan yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Bertitik tolak dari fenomena Covid-19 yang melanda dunia pada masa kini, maka terlahir idea untuk mencipta satu idea muzikal di mana sebuah lagu disertakan dengan situasi yang akan dicipta bagi melihat perubahan emosi semasa yang dialami oleh kanak-kanak. Lagu yang dihasilkan adalah bergenre dikir barat beserta lirik yang dihasilkan berdasarkan persekitaran peringkat awal terjadinya Covid-19.

1.2 Inspirasi dan Motivasi





Karya ini terinspirasi apabila saya mendapati bahawa sesetengah ibu bapa kurang mengambil berat terhadap perubahan emosi kanak-kanak yang terkesan dengan fenomena Covid-19. Situasi serta permasalahan ini dinilai berdasarkan pengalaman yang dilihat dan dialami sendiri sepanjang bekerja sebagai guru di Cleverland Playschool. Cleverland Playschool adalah sebuah prasekolah berbahasa Inggeris yang memenuhi keperluan kanak-kanak berumur 3 hingga 6 tahun. Mereka menekankan pembelajaran secara langsung, dimana ia memenuhi kehendak kebanyakan ibu bapa. Dalam pada itu, nilai-nilai penting dalam Islam turut diterapkan serta diberi pendedahan yang bertepatan dan bersesuaian dengan peringkat umur mereka.

Kesinambungan daripada itu, banyak isu semasa yang mengisahkan rakyat yang terkapai-kapai dalam mengharungi kesukaran untuk meneruskan hidup. Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor telah memaklumkan bahawa sebanyak 1910 kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak telah berlaku sepanjang tempoh pandemik Covid-19 bermula Mac 2020 sehingga Mac tahun lalu.

Permasalahan ini sudah pasti akan meninggalkan kesan jangka masa panjang dikalangan kanak-kanak. 1910 adalah jumlah yang didapati berdasarkan data dan makluman dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor. Antara jenis penderaan yang direkodkan adalah penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan segi emosi serta pengabaian terhadap kanak-kanak. Susulan kepada peningkatan isu tersebut, maka ia seiring dengan permintaan kaunseling serta penerimaan aduan berhubung dengan masalah mental psikologi abnormal yang kian meningkat (My Metro, 21 Mac 2022).

Pandemik Covid-19 telah mengubah pola kehidupan masyarakat terutama dari aspek kerja. Tindak balas kepada PKP menjadikan syarikat, organisasi mahupun





institusi telah menggalakkan pekerja untuk kekal bekerja di rumah demi mengekalkan keselamatan sejagat. Gaya bekerja secara Work From Home (WFH) mula muncul sekitar awal tahun 2000. Ini disebabkan oleh perkembangan teknologi telekomunikasi yang semakin berkembang. Bertitik tolak dari itu, terdapat beberapa sektor syarikat membenarkan pekerja mereka bekerja secara WFH bagi mengelakkan pekerja berulang-alik dari rumah ke tempat kerja. Kemudahan sebegini telah menjadikan masa bekerja menjadi lebih fleksibel malah secara tidak langsung seseorang pekerja telah mencapai gaya hidup yang lebih seimbang (Tavarez, 2017; Bouziri, 2020).

Disebabkan berlakunya fenomena covid-19 ini, keberadaan anak-anak di rumah sepanjang menjalani pembelajaran secara atas talian telah memberikan ibu bapa sedikit tekanan di samping dibebani dengan tugas kerja yang juga dilakukan secara *Work From Home* (WFH). Dalam mengharungi kesibukan bekerja, sesetengah penjaga atau ibu bapa terpaksa menempuhi perangai serta sikap anak-anak yang kadang sukar dibendung. Kenakalan anak pada kitaran usia 3 hingga 6 tahun merupakan perkara biasa kerana dengan cara itu, anak tersebut dapat menerokai dunianya secara kreatif tetapi ibu bapa memandang perkara tersebut sebagai sesuatu hal yang mengganggu dimana ibu bapa tidak ragu-ragu lagi untuk melakukan kekerasan terhadap anak mereka. Sama ada penderaan dari segi percakapan mahupun fizikal seterusnya mengabaikan anak (Wong, 2008).

Ada sesetengah ibu bapa memilih untuk mengorbankan waktu tidur dengan memilih untuk menyelesaikan tugas kerja pada waktu malam atau awal pagi. Ini kerana mereka sangat memerlukan suasana yang tenang untuk mendapatkan tumpuan serta fokus tanpa gangguan yang kerap (Thompson, 2020). Dalam kesibukan





masyarakat cuba menyesuaikan diri dengan suasana baharu, kes mendera kanakkanak turut meningkat (Sinar Harian, 2021). Penderaan ini turut membuktikan bahawa kesihatan mental masyarakat semakin terganggu terutamanya dikalangan ibu bapa.

Justeru itu, karya ini adalah bertujuan untuk menengahkan perspektif baharu bagaimana lirik yang ditulis adalah mengenai peringatan dan penjagaan yang perlu dilakukan bagi menghindari dari terjangkiti virus Covid-19 dimana pada masa yang sama peraturan kesihatan boleh diterapkan bagi pencegahan awal dari dijangkiti virus Covid-19. Keseluruhan lirik dan lagu ini akan dipersembahkan melalui seni Dikir Barat yang bertemakan unsur seni '*Happening Art*'. Istilah "Happening Art" adalah merujuk kepada unsur seni yang melibatkan peristiwa atau persembahan yang berbentuk spontan, interaktif, dan seringkali melibatkan penglibatan serta reaksi dari para penonton. Unsur seni ini popular pada tahun 1950-an dan 1960-an, serta melibatkan beberapa elemen seperti tindakan langsung, persembahan yang tidak dijangka dan selalunya menggunakan ruang awam sebagai platform seni. Ruang awam bermaksud ruang yang bersifat terbuka dimana sesiapa sahaja yang melalui di ruangan itu, secara tidak langsung menjadi sebahagian dari penonton persembahan seni '*Happening Arts*'. Sehubungan dengan itu, walaupun seni '*Happening Art*' lebih diperkatakan sebagai pengalaman seni yang kompleks, ia masih boleh digarabkan dengan aktiviti kreatif yang sesuai untuk kanak-kanak. Sekiranya bentuk aktiviti seni dalam keadaan sederhana, idea mengenai penglibatan aktif, spontan, dan interaksi masih dapat diaplikasikan dalam konteks seni untuk kanak-kanak.

Berdasarkan situasi dengan keadaan sedemikian, terdapat beberapa cara di mana seni '*Happening Art*' boleh dikaitkan dengan kanak-kanak. Pertama adalah persembahan kreatif. Kanak-kanak boleh diajar untuk membuat persembahan spontan





dan kreatif dengan menjadikan unsur kreativiti di dalam diri mereka sebagai elemen penting dalam menzahirkan hasil yang tulen. Kedua, seni kolaboratif: Dalam membentuk kemenjadian pergaulan sosial, kanak-kanak boleh diajar untuk bekerjasama dalam projek seni yang melibatkan kehadiran fizikal dan interaksi antara satu sama lain. Kerjasama dalam penyesuaian diri serta kemahiran berinteraksi mampu menjadikan lebih bermakna.

Untuk cara ketiga pula adalah penggunaan ruang. Umumnya dalam seni '*Happening Art*', secara jelasnya persembahan dilakukan di ruangan terbuka. Justeru itu, aktiviti kreatif kanak-kanak boleh didorong untuk merangkumi kelas seni di luar bilik darjah atau menggunakan elemen alam semula jadi dimana ia lebih dekat dengan sifat mereka untuk meneroka alam. Keempat, memandangkan seni '*Happening Art*' ini tidak mempunyai struktur, peraturan atau proses urutan yang ketat, reaksi emosi kanak-kanak boleh diajar untuk dizahirkan secara spontan dan bebas. Mereka mampu belajar mengenai keadaan persekitaran, menangani perasaan sendiri, dan perasaan orang lain.

Kelima, '*Happening Art*' berupaya membantu memupuk kreativiti dan imaginasi kanak-kanak dengan menggalakkan mereka untuk berfikir di luar kotak dan mencipta sesuatu yang unik. Kreativi dan imaginasi mampu terbina apabila ia dirangsang dengan pancaindera yang ada seperti unsur suara, penglihatan, pendengaran dan juga deria rasa. Keenam, apabila semua konsep yang terkandung di dalam '*Happening Art*' terbentuk, secara tidak langsung keseronokan dan keterujaan dikalangan kanak-kanak jelas dapat dilihat.





Secara umum, dalam Bahasa Melayu, "*Happening Art*" boleh diungkapkan sebagai "seni peristiwa" atau "seni kejadian". Ini merujuk kepada seni yang mengandungi elemen-elemen tindakan dan peristiwa yang seringkali tidak dijangka dan memberikan pengalaman kepada penonton yang melibatkan mereka secara langsung atau emosional. Hubung kait dalam situasi ini, penting untuk menyesuaikan konsep dan aktiviti '*Happening Art*' dengan tahap perkembangan dan minat kanak-kanak. Aktiviti seni yang berunsur spontan memberi mereka kebebasan untuk meneroka dan mencipta di samping membantu memupuk minat terhadap seni dan membantu perkembangan tumbesaran mereka. Ibu bapa yang mementingkan kesihatan mental dan emosi anak mereka, perlu cakna dengan persekitaran yang dialami oleh mereka agar mampu meletakkan diri di dalam ruang yang mampu melonjakkan mereka menjadi insan yang produktif.



Dalam pada itu, pemilihan muzik tradisional Dikir Barat diinspirasi oleh karakter muzik dikir barat itu sendiri yang lebih dominan kepada alat perkusi dan mudah diekspresikan oleh kanak-kanak. Muzik perkusi juga adalah alat muzik asas dalam pendidikan muzik untuk kanak-kanak. Tujuannya adalah bagi memudahkan atau melancarkan pergelangan tangan. serta memupuk minat terhadap ilmu muzik (Hao Shan, 2019). Apabila kesemua elemen di dalam Dikir Barat dikendalikan oleh kanak-kanak, secara totalnya ini sebagai salah satu karya kreatif dalam seni persembahan, dimana tiada unsur kesempurnaan. Malah apa yang ingin dinilai adalah kemenjadian unsur '*Happening Art*' itu sendiri yang berkonsepkan Dikir Barat'. Oleh itu, konsep '*Happening Art*' amat sesuai dengan keperluan persembahan yang menengahkan bagaimana kanak-kanak berinteraksi sendiri dengan persekitaran yang sedemikian.





Tambahan pula terdapat simulasi mengenai memori tercetusnya Covid19 yang akan diselitkan diantara celahan pengendalian permainan muzik Dikir Barat oleh mereka

Penciptaan ini juga bertujuan bagi memberi gambaran kepada masyarakat bagaimana perubahan persekitaran mampu mengubah emosi kanak-kanak. Kurangnya interaksi antara kanak-kanak dan ibu bapa, mampu mempengaruhi layanan mereka kepada ibu bapa. Perkembangan sahsiah, tingkah laku dan emosi boleh berubah berdasarkan persekitaran khusus yang terdiri daripada ahli keluarga, rakan dan para guru (Rohayati, 2020). Setiap situasi yang berlaku, kanak-kanak memerlukan penerangan, penceritaan atau nasihat daripada ibu bapa bagi memudahkan mereka memahami realiti sebenar kehidupan.



1.3 Matlamat Penciptaan

Sesuai dengan kaedah penyelidikan berasaskan amali (*practice-based research*), matlamat utama penciptaan karya menjurus kepada aspek amali projek persembahan ini iaitu menciptakan sebuah karya muzik yang bertemakan tentang fenomena Covid19 dari sudut kesannya terhadap emosi golongan kanak-kanak. Kanak-kanak akan menjadi subjek utama dalam penghasilan idea persembahan yang ingin dilaksanakan.

Selain itu, sebagai aspek instrinsik atau dalaman karya, karya ini juga dihasilkan untuk memberi mesej atau kesedaran tentang pentingnya kita sebagai rakyat Malaysia menjaga serta memelihara adat seni budaya yang ada di negara kita. Salah satu kreativiti dalam memelihara serta mengekalkan budaya ini adalah dengan melibatkan kanak-kanak serta isu covid-19 dalam usaha sama mengetengahkan emosi kanak-kanak





kepada masyarakat tentang perubahan emosi yang berlaku dikalangan kanak-kanak. Pentingnya perubahan emosi ini perlu dikawal kerana ia mampu memberi kesan terhadap sikap dan kelakuan mereka yang mendatang.

1.4 Objektif Penciptaan

- i. 1.3.1 Mengenal pasti kesan Covid-19 terhadap emosi kanak-kanak bagi mencetuskan idea penciptaan lagu baharu Dikir Barat.
- ii. 1.3.2 Mempersembahkan permainan Dikir Barat kanak-kanak dengan mengeksplorasi emosi kanak-kanak yang terkesan akibat Covid19.



1.5 Kontekstualisasi Topik

Projek persembahan ini mempunyai beberapa konteks yang penting untuk diutarakan terlebih dahulu. Berlakunya fenomena Covid-19, terdapat beberapa permasalahan yang dialami oleh guru serta ibu bapa dalam menangani perilaku atau sikap kanak-kanak yang terkesan oleh pandemik ini. Keseluruhannya adalah mengenai bagaimana cara untuk membuka mata para ibu dalam mendekati anak-anak agar lebih mengambil berat terhadap perubahan emosi yang dialami oleh mereka.

Hal ini menyebabkan, karya ini penting untuk menyampaikan mesej kepada para ibu bapa bahawa kepentingan memantau perubahan emosi perasaan anak-anak bersesuaian dengan tumbesaran mereka. Sebagai contoh, Spinelli (2020) telah





melaporkan melalui penemuan daripada data yang dikumpul semasa tempoh kawalan berkurung di Itali, mendapati bahawa ibu bapa turut mengalami tekanan dan persepsi terhadap perintah kuarantin yang dikaitkan dengan masalah tingkah laku serta emosi kanak-kanak. Secara tidak langsung, semua ini mampu mendatangkan kesan negatif kepada kesihatan mental dan kebajikan kanak-kanak yang menjurus kepada pelbagai isu seperti kesihatan mental, kebimbangan, tekanan, kemurungan dan kesukaran untuk tidur (Dunleavy, 2020, Galvin, 2020, Ramchandani, 2020, Rawstrone, 2020).

Seterusnya di dalam kontekstualisasi topik, penerangan dari sudut seni dikir barat adalah seni ini dipilih oleh kerana elemen berunsur nasihat dan penceritaan yang terkandung dalam format persembahannya. Tambahan pula, tekstur seni dikir barat itu sendiri punyai pelbagai warna dan ia bersesuaian dengan tingkah laku kanakkanak yang pelbagai. Sejarar dengan fungsi sastra di dalam lirik adalah bagi menerangkan idea dan pemikiran dalam penyampaian sesebuah lagu serta kandungan yang terdapat dalam lirik yang menyentuh aspek kehidupan masyarakat (Arba'ie Sujud, 1999). Sehubungan dengan itu, setiap bait lirik terselit amanat yang sesuai dijadikan pedoman atau tauladan kepada seluruh masyarakat untuk membentuk tingkah laku dan moral positif (Fahmi Ismail, Salmah, Mohd Firdaus, 2016). Dari sudut emosi atau tingkah laku bermasalah atau negatif golongan kanak-kanak. Tingkah laku bermasalah atau negatif telah terbahagi kepada dua iaitu neurotik dan psikotik. Neurotik adalah situasi dimana seseorang mengalami gangguan atau perubahan di dalam pemikiran tetapi ia tidak menjejaskan kewarasan. Personaliti neurotik atau neurotikisme merujuk kepada seseorang yang mempunyai kecenderungan kepada emosi negatif, seperti kemarahan, kebimbangan, dan keraguan diri yang tidak stabil. Manakala istilah neurosis pula merujuk kepada kesilapan penyesuaian emosi akibat tidak dapat menyelesaikan konflik





(secara tidak sedar). Rasa kebimbangan dipengaruhi oleh pelbagai mekanisme pertahanan diri sehingga timbul gejala lain yang mengganggu tingkah laku atau sikap seseorang.

Antara ciri-ciri seseorang individu mengalami kepribadian neurotik seperti mudah berasa cemas, mudah tersinggung, punyai kestabilan emosi yang lemah, sering berasa ragu-ragu pada diri sendiri, malu serta emosi boleh berubah secara drastik. Manakala *psychotic* pula adalah perubahan pemikiran yang amat ketara sehingga ada di antara mereka mula berhalusinasi serta mengalami delusi yang teruk sekiranya tidak dikawal. Seseorang individu mula mengeluarkan percakapan yang pelik disamping perubahan emosi yang sukar dikawal.



Kedua-dua jenis tingkah laku bermasalah ini sememangnya wujud di kalangan kanak-kanak prasekolah tetapi ciri-ciri tingkah laku neurotik lebih banyak terjadi dikalangan mereka. Situasi sebegini amat memerlukan pantauan yang lebih agar tidak terjadi sesuatu perkara yang tidak diingini.

1.6 Imajinasi Idea Penciptaan

Karya ini terlahir berdasarkan pemerhatian saya terhadap performatif di kalangan kanak-kanak berdasarkan pengalaman sebagai seorang guru di tadika Cleverland Playschool. Setelah menelusuri suasana kehidupan harian mereka di sana, banyak isu dan juga permasalahan yang di alami oleh guru dan ibubapa mengenai perubahan emosi serta tingkah laku mereka sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).





Perubahan yang dialami oleh kanak-kanak lebih jelas kelihatan selepas ibubapa dibenarkan menghantar semula anak-anak mereka ke sekolah. Pelbagai ragam dan karenah yang terpaksa para guru tangani sepanjang bermulanya sesi persekolahan. Sementelah dari itu, saya melihata ciri “*everyday life*” di tadika ini mampu menjadi salah satu pecahan senarai ciri pengajian persembahan di mana istilah “kehidupan seharian” di dalam bidang seni persembahan, merujuk kepada konsep, tindakan atau situasi merupakan sebahagian daripada kewujudan manusia dimana sering digabungkan ke dalam persembahan artistik atau berbeza dengan realiti seharian. Berikut ialah beberapa contoh istilah “kehidupan seharian” dalam seni persembahan kehidupan seharian juga telah dikategorikan sebagai persembahan. Maka dengan ini, bersesuaian dengan objektif penciptaan adalah bagi mengenal pasti kesan covid-19 kepada kanak-kanak. Penciptaan lirik lagu Dikir Barat ini bertujuan bagi mendidik Masyarakat mengenai kepekaan terhadap unsur covid-19. Rangkuman dari isu ini terlahir idea untuk membuat eksploirasi persembahan Dikir Barat bagi melihat respon kanak-kanak terhadap video simulasi yang akan ditayangkan .

Perubahan emosi yang berlaku dikalangan kanak-kanak sewaktu berlansung persembahan tersebut secara tidak langsung telah terlahirnya unsur seni “*Happening Art*”. Kaedah penontonan video digunakan untuk melihat respon kanak-kanak dan seterusnya kanak-kanak tersebut akan membuat eksploirasi persembahan Dikir Barat. *Happening Art* adalah seni persembahan yang terdiri oleh aksi langsung di mana tubuh badan adalah elemen teras dalam mempersembahkan beberapa unsur yang digabungkan. Contoh unsur yang digabungkan adalah seperti lukisan, dendangan puisi, seni muzik, tarian dan teater. Mulanya, pada tahun 1950-an, Allan Kaprow adalah seorang artis berbangsa Amerika yang terawal memberikan istilah ‘Happening’. Unsur





di dalam 'Happening Art' adalah salah satu revolusi terhadap avant-garde dari satu sudut pandangan yang telah dinyatakan oleh Erving Goffman dalam *The Presentation of Self in Everyday Life* (1959). Dimana, *performing* ialah cara tingkah laku yang mungkin mencirikan sesuatu aktiviti. Di dalam konteks rutin kehidupan harian tanpa sedar manusia itu sendiri telah membuat 'persembahan' bagi antara satu sama lain, melalui ritual, penceritaan, tarian, karnival, dan sebagainya. Sebahagian dari ini juga dipanggil sebagai aksi langsung. Sebagai sebuah konsep, "*Happening Arts*" ia menekankan aspek kejadian atau peristiwa yang berlaku secara langsung di dalam karya seni. Kemenjadian tersebut bukan proses akhir mahupun kerja sesebuah persembahan tetapi ia terjadi dalam tempoh karya itu berjalan. Sewaktu persembahan berjalan, penonton sering dijemput untuk mengambil bahagian secara aktif dalam karya seni ini "*Happening Arts*" malah turut melibatkan mereka untuk bertindak atau berinteraksi

dengan cara yang berbeza

